

## KEMPEN PINDAH BAKI DAN TEBUS KAD PETROL

### TERMA DAN SYARAT

#### A) SYARAT KELAYAKAN PENYERTAAN

- 1) Kempen ini terbuka kepada semua pemegang utama Kad Kredit-i Bank Rakyat yang baharu dan sedia ada termasuk warga kerja Bank Rakyat (“pemegang kad”) kecuali pemegang Kad Kredit-i Korporat Bank Rakyat.
- 2) Hanya permohonan pindahan baki daripada pemegang kad yang mempunyai rekod pembayaran yang baik SAHAJA sama ada dengan Bank Rakyat atau institusi kewangan lain yang layak diproses bagi penyertaan kempen ini.
- 3) Dengan mengambil bahagian dalam kempen ini, pemegang kad bersetuju:-
  - a) Kelayakan untuk menyertai kempen ini adalah tertakluk pada terma dan syarat Kad Kredit-i Bank Rakyat, terma dan syarat yang terkandung di sini serta terma lain yang ditetapkan oleh Bank Rakyat dari masa ke masa.
  - b) Pemegang kad telah membaca, memahami dan dengan ini secara nyata bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat ini.

#### B) TEMPOH KEMPEN

- 1) Tempoh kempen ini adalah dari **26 September 2024 hingga 26 Mac 2025**.
- 2) Bank Rakyat boleh menukar atau meminda tempoh kempen sekiranya perlu.

#### C) MEKANISME KEMPEN

- 1) Amaun pindahan baki minimum adalah sebanyak RM1,000 yang boleh dipindahkan melalui satu kad kredit atau kombinasi dua atau lebih kad kredit pemegang kad daripada pelbagai institusi kewangan.
- 2) Permohonan boleh dihantar melalui borang permohonan fizikal atau emelkan ke [cardbusiness@bankrakyat.com.my](mailto:cardbusiness@bankrakyat.com.my).
- 3) Tiada had ditetapkan bagi bilangan transaksi pindahan baki yang boleh dilakukan sepanjang tempoh kempen berlangsung.

- 4) Tiada mata *Rakyat Rewards* ditawarkan untuk transaksi pindahan baki.
- 5) Tiada penalti yang dikenakan untuk penjelasan awal baki kad kredit yang diluluskan.
- 6) Bank Rakyat boleh meluluskan atau menolak sebarang permohonan dan menentukan baki terkumpul yang layak untuk di pindahkan (baki yang diluluskan)
- 7) Hanya permohonan pindahan baki daripada pemegang kad yang mempunyai rekod pembayaran yang baik SAHAJA sama ada dengan Bank Rakyat atau institusi kewangan lain yang layak di proses bagi penyertaan kempen ini.
- 8) Kadar keuntungan yang di tawarkan untuk kempen ini adalah seperti di bawah:

<b>Tempoh</b>	<b>Kadar</b>
Untuk tiga bulan pertama	3% setahun atau 0.25% sebulan
Bulan keempat dan ke atas sehingga baki bayaran selesai	13.50% setahun atau 1.125% sebulan

#### **D) HADIAH**

- 1) Kad Hadiah Petronas bernilai RM50 akan ditawarkan bagi setiap RM1,000 amaun pindahan baki yang diluluskan. (first come, first serve)
- 2) Pemegang kad yang layak akan menerima Kad Hadiah Petronas dalam tempoh satu bulan daripada kelulusan pindahan baki melalui kurier ke alamat surat menyurat.
- 3) Pemegang kad yang layak akan dihubungi oleh Bank Rakyat berdasarkan maklumat yang terdapat dalam rekod bank melalui panggilan telefon atau kaedah lain yang bersesuaian.
- 4) Hadiah yang ditawarkan tidak boleh ditukar dengan tunai.
- 5) Pemilihan penerima hadiah adalah muktamad dan semua bentuk rayuan tidak akan dilayan.

## **E) PEMROSESAN DAN KELULUSAN PERMOHONAN**

- 1) Bank Rakyat akan memproses permohonan lengkap yang diterima dalam tempoh 7 hari bekerja sepanjang tempoh kempen. Bagaimanapun, tempoh masa bertenang (cooling period) selama 14 hari bekerja diperuntukkan atas kempen ini bagi tujuan memproses permohonan baki yang diterima pada akhir kempen. Sekiranya permohonan diluluskan, Bank Rakyat akan membuat pembayaran atas jumlah pindahan baki yang diluluskan kepada akaun kad kredit pemegang kad dengan institusi kewangan lain dengan cara yang sesuai oleh Bank Rakyat. Keterangan transaksi pindahan baki yang berjaya akan di maklumkan dalam penyata bulanan. Sekiranya permohonan tidak berjaya, Bank Rakyat akan memaklumkan kepada pemegang kad dengan cara yang bersesuaian.
- 2) Sehingga pemberitahuan kelulusan untuk kempen ini diterima, pemegang kad hendaklah terus bertanggungjawab untuk membuat pembayaran ke atas akaun kad kredit di institusi kewangan lain mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan. Pemegang kad juga bertanggungjawab secara langsung terhadap keuntungan atas sebarang bayaran yang melewati tempoh caj kewangan atau caj lain yang ditanggung akibat kegagalan atau kelewatan pemegang kad dan/atau pihak Bank Rakyat dalam membuat sebarang pembayaran sebelum atau selepas pihak Bank Rakyat meluluskan permohonan pemegang kad untuk pindahan baki.

## **F) LAIN-LAIN**

- 1) Dengan menyertai kempen ini, pemegang kad bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat, yang boleh dilihat di [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my).
- 2) Dengan menyertai kempen ini, pemegang kad dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat rasmi yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh Bank Rakyat yang dianggap muktamad.
- 3) Dengan menyertai kempen ini, pemegang kad bersetuju untuk membenarkan Bank Rakyat, anak syarikat, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan menggunakan nama pemegang kad dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk tujuan komunikasi, promosi, secara keseluruhan, dalam mana-mana dan semua media untuk keluaran segera atau yang telah dirancang, tanpa bayaran tambahan, melainkan jika dilarang oleh undang-undang.
- 4) Melainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Bank Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah terma dan syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman sesawang Bank

Rakyat atau medium komunikasi yang bersesuaian dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan berkuat kuasa selepas notis dikeluarkan. Pemegang kad adalah dianggap bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan tersebut.

- 5) Bank Rakyat mempunyai hak eksklusif untuk mencetak atau menyiarkan nama dan gambar pemegang kad untuk tujuan promosi dalam akhbar, majalah, laman sesawang korporat Bank Rakyat atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
- 6) Bank Rakyat boleh menolak dan/atau mengeluarkan sebarang penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan, manipulasi dan tidak sah serta tidak memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat.
- 7) **PENAFIAN: TERTAKLUK PADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PEMEGANG KAD ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA (KECUALI UNTUK LIABILITI YANG TIMBUL DARIPADA KECUAIAN MELAMPAU, SALAH LAKU, SENGAJA, FRAUD ATAU KEINGKARAN SENGAJA BANK RAKYAT) UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PEMEGANG KAD TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**
- 8) Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, makluman atau apa-apa koresponden sama ada melalui e-mel, surat atau mana-mana medium komunikasi.
- 9) Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.
- 10) Terma dan syarat ini tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
- 11) Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1-300-80-5454; atau hubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-26936880; atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat; atau layari laman sesawang Bank Rakyat di [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my).